

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

ISBN 978-967-2709-02-2

9 7 8 9 6 7 2 7 0 9 0 2 2

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya, 2021

Hak cipta/*Copyright*© Kementerian Perpaduan Negara, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Kementerian Perpaduan Negara.

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI 1

KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA 3

PRAKATA YANG BERBAHAGIA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 5

RINGKASAN EKSEKUTIF 7

BAB 1: LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030 11
- Pengenalan
- Perpaduan Kefahaman Awal (1970-2013)
- Sifat Perpaduan Kefahaman Awal
- Susur Masa Kefahaman Awal
- Pembentukan Perpaduan Kefahaman Terkini (2013-2020)
- Perpaduan Kefahaman Terkini

BAB 2: OBJEKTIF PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030 17

BAB 3: PENDEKATAN MEMBANGUNKAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030 19
- Rukun Negara
- Dasar-Dasar Sedia Ada
- Sesi Konsultasi, Libat Urus Dan Maklum Balas Rakyat
- Dapatan Kajian Melalui Sesi Maklum Balas Rakyat

BAB 4: TERAS STRATEGIK DAN PROGRAM PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030 33
- Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030
- Adaptasi Mukadimah Rukun Negara Menjadi Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030
- Penerangan Teras Strategik Pelan Tindakan Negara 2021-2030
- Kluster Program Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

BAB 5: PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030 39
- Ringkasan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030
- Matriks Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

KESIMPULAN 61

GLOSARI 63



PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI



Assalamualaikum WBT,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia,

KELUARGA MALAYSIA YANG SAYA KASIHI,

Dunia ketika ini sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang turut memberi kesan kepada kesejahteraan hidup masyarakat di negara ini. Alhamdulillah, kita sebagai sebuah Keluarga Malaysia telah mampu bersama-sama mengharungi ujian ini dengan cekal.

Benih perpaduan yang kita semai sejak 64 tahun dahulu yang tumbuh subur digemburkan dengan hubungan institusi diraja dan menjadi pengikat dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Inilah Keluarga Malaysia.

Melalui Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 – 2030, saya lihat cabaran yang mendatang akan dapat kita adunkan bersama. Pasak-pasak perpaduan yang kita bina selama ini dapat diterjemahkan dengan kerjasama rentas kementerian dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Tiga kata kunci dalam konsep Keluarga Malaysia yang menekankan aspek Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran telah membawa budaya nilai yang tinggi buat kita hari ini. Sebagai Keluarga Malaysia yang besar, kita harus ada sifat toleransi, hormat menghormati serta mengekalkan perpaduan yang merentasi ideologi politik demi kemakmuran bersama.

Ia merupakan satu komitmen kerajaan dalam usaha untuk mengukuhkan agenda perpaduan dan integrasi nasional seiring dengan 20 pengkayaan nilai yang terkandung dalam konsep Keluarga Malaysia. Perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan bangsa, silang budaya dan integrasi nasional menjadi tunjang kepada kejayaan negara pada hari ini. Bukan mudah untuk menjadi sebuah negara yang majmuk, namun kebersamaan hati dan kekayaan budi menjadikan kita sebagai sebuah keluarga. Ibarat air yang dicincang, tidak akan putus. Itulah semangat Keluarga Malaysia yang menggenggam teguh tiang seri perpaduan.

Akhir kalam, ayuh Keluarga Malaysia, hulurkan tangan, marilah kita bersama-sama memimpin Keluarga Malaysia yang tercinta ini terus maju ke hadapan.

Semoga negara berdaulat ini, sentiasa dalam rahmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan. Jadikan perpaduan suatu kebiasaan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahamtullahi Wabarakatuh

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI



KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum w.b.t,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia,

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

Perpaduan adalah hadiah yang tak ternilai dan perlu dipelihara oleh semua rakyat dalam negara berbilang etnik seperti Malaysia. Ianya adalah seperti sebuah keluarga yang mana kita sentiasa jaga, kita kasihi, sayangi dan cintai. Perpaduan yang dinikmati dalam komuniti pelbagai etnik ini adalah warisan unik yang menjadi ikatan kukuhnya sebuah Keluarga Malaysia.

Kerajaan sentiasa memandang serius perihal perpaduan sehingga wujudnya Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020. Berkat kesungguhan dan iltizam berterusan Kementerian, maka Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 telah dilancarkan pada 15 Februari 2021.

Bagi menterjemahkan kedua-dua dokumen dasar tersebut ke dalam bentuk tindakan, maka lahirlah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Bersandarkan kepada prinsip kebertanggungjawaban bersama (*shared responsibility*), Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang merupakan pelan tindakan induk memupuk komitmen pelbagai pihak untuk melaksanakan program dan aktiviti yang memacu ke arah pelaksanaan strategi pengukuhan perpaduan negara. Berasaskan prinsip S.M.A.R.T iaitu *Specific* (Berfokus), *Measureable* (Boleh Diukur), *Achievable* (Boleh Dicapai), *Relevant* (Bersesuaian) dan *Time Bound* (Jangka Masa dan Tempoh tertentu), pelan ini dibangunkan dengan penuh teliti agar ianya dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

Bagi memastikan iltizam Keluarga Malaysia serta visi dan aspirasi perpaduan dapat dicapai dalam tempoh sepuluh tahun mendatang, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan ini menggariskan strategi dan program yang komprehensif dan bersasar melibatkan semua pihak berkepentingan termasuklah agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta mahupun rakyat keseluruhannya.

Oleh itu, kejayaan merealisasikan pelan ini dan menterjemahkannya kepada bentuk pelaksanaan program berimpak tinggi amatlah penting. Tidak kira apa jua topi yang kita pakai sama ada sebagai pemimpin, anggota kerajaan, NGO, swasta mahupun rakyat, tanggungjawab kita tetap sama iaitu memelihara, mengekalkan dan mewariskan perpaduan negara Malaysia tercinta ini kepada generasi akan datang.
Marilah kita bersama-sama meraikan perpaduan dalam kepelbagaian!

Kita Keluarga Malaysia

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA



PRAKATA YANG BERBAHAGIA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Assalamualaikum w.b.t,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia,



Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini merupakan terjemahan tindakan dan pelaksanaan yang dapat menyumbang kepada tercapainya hasrat yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang telah dilancarkan pada tahun 2021. Ia adalah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara yang merentasi pelbagai Kementerian/Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta dalam bentuk pelaksanaan yang terancang dan lebih terangkum selari dengan pendekatan Kerajaan hari ini yang menjadi aspirasi Keluarga Malaysia sebagai falsafah pentadbiran negara.

Kementerian melalui jentera perpaduan di seluruh negara komited meneruskan usaha mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Pendekatan Keluarga Malaysia menjadi tumpuan utama kepada asas keharmonian yang lebih lestari. Melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini, ekosistem perpaduan negara akan diperkukuhkan. Jentera perpaduan akan terus digembleng agar kekal menjadi suri teladan dan tunjang yang menggerakkan agenda perpaduan negara.

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dibangunkan berdasarkan Mukadimah atau Cita-cita Rukun Negara. Lima (5) cita-cita tersebut dizahirkan melalui lima (5) teras strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merangkumi elemen perpaduan, konsep Raja Berperlembagaan, kepentingan aspek sosioekonomi, penekanan terhadap tradisi dan budaya serta kepentingan penguasaan bidang sains, teknologi dan inovasi. Secara umumnya, dokumen ini dihasilkan berdasarkan sumbangan idea dan pandangan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan serta pihak-pihak lain yang terlibat dalam sesi konsultasi pada penghujung tahun 2020.

Kini keutamaan Kementerian adalah untuk melaksanakan program-program yang telah disusun. Kementerian sedar, kejayaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 bergantung penuh kepada komitmen semua pihak terlibat. Marilah kita bersama-sama berganding bahu menjayakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini supaya aspirasi untuk mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dapat diterjemahkan. Bahkan, kita juga dapat merealisasikan impian untuk membentuk sebuah Keluarga Malaysia yang merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum di negara kita yang tercinta ini.

DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



RINGKASAN EKSEKUTIF

Bersesuaian dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020 iaitu kali kedua diwujudkan semula setelah 48 tahun penubuhannya pada tahun 1972 dan bertepatan dengan sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Negara, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 perlu dirangka bagi menterjemahkan dasar-dasar perpaduan kepada pelaksanaan. Usaha ini merealisasikan hasrat supaya gerakan perpaduan dalam bentuk tindakan terancang dapat dilaksanakan dengan lebih bersepadu meliputi pelbagai kementerian dan agensi serta organisasi bukan kerajaan.

Mendukung semangat itu, cita-cita Rukun Negara dijadikan tonggak asas kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Pelan ini disusun atur berteraskan cita-cita Rukun Negara kerana semenjak diperkenalkan pada tahun 1970 sehingga sekarang lazimnya lima (5) prinsip Rukun Negara sahaja yang ditonjolkan tetapi lima (5) cita-cita dalam mukadimahnya yang dianggap roh kepada Rukun Negara kurang diberi perhatian.

Pelan ini seiring dengan konsep Keluarga Malaysia yang menjadi falsafah pentadbiran Kerajaan hari ini yang turut menjadikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai tunjang dalam mencapai *Key Happiness Outcome* (KHO). Aspirasi Keluarga Malaysia menegaskan azam dan iltizam negara bahawa biarpun masyarakat wujud dalam keadaan kesepaduan dalam kepelbagaian, namun keseluruhannya diibaratkan terikat seperti rangkaian hubungan dalam sesebuah keluarga mikro iaitu suami isteri dan anak-anak serta saudara jauh dan dekat dan bersifat terangkum dan inklusif.

Dalam konteks makro, secara umumnya sifat Keluarga Malaysia adalah merentasi sempadan agama, bangsa, budaya dan kaum tetapi kelangsungannya didukung dan berpedomankan amalan nilai kekeluargaan seperti saling bantu membantu, hormat menghormati, menerima perbezaan dan kepelbagaian sebagai suatu kekuatan atau aset negara. Aspirasi Keluarga Malaysia dan amalannya yang berterusan pasti menjadi tunjang bukan sahaja kepada perpaduan antara kaum, bahkan juga integrasi antara wilayah dan daerah antara sektor dan pelbagai lagi kegiatan sosioekonomi.

Sebagai sebuah Keluarga Malaysia yang besar, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini menerapkan iltizam sebenar negara dalam membina perpaduan yang diidamkan dengan menggerakkan proses penyatupaduan secara menyeluruh. Oleh itu, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini diolah dan disesuaikan dengan 'acuan Malaysia' yang mengutamakan individu, keluarga dan komuniti yang tersulam dalam sejarah, struktur sosial dan biografi rakyat negara ini.

Bermula Julai 2020 Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Pakarunding Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menggerakkan usaha membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini dengan menggunakan tiga (3) pendekatan. Pertama, membangunkan asas teras strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang bertonggakkan cita-cita Rukun Negara. Kedua, menyusun strategi Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berlandaskan dasar-dasar utama negara yang dihasratkan Kerajaan. Ketiga, membangunkan strategi dan program Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berdasarkan input dan maklum balas yang diperolehi menerusi sesi maklum balas dan konsultasi dengan pelbagai kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta serta cetusan suara rakyat daripada pelbagai latar belakang dan lokaliti di seluruh negara.

Maka terhasilnya Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sebagai dokumen rujukan induk dalam pelaksanaan agenda perpaduan nasional yang mengandungi transformasi perpaduan negara, strategi serta program-program yang disusun untuk digerakkan dan dilaksanakan oleh agensi peneraju dan pelaksana. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini mengandungi lima (5) bab utama iaitu:

Bab 1: Latar Belakang Penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 memaparkan pengenalan mengenai pembentukan kefahaman perpaduan dengan tiga (3) konsep serangkai iaitu Perpaduan (yang diidamkan), Kesepaduan (yang dicapai), dan Penyatupaduan (yang diusahakan) menjadi tonggak pembinaan sebuah pelan tindakan yang komprehensif dan inklusif.

Bab 2: Objektif Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 memperjelaskan objektif Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 iaitu: menyediakan kerangka rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang etnik; menjadikan pelan tindakan sebagai ukuran kejayaan Dasar Perpaduan Negara; dan memperkasa cita-cita Rukun Negara sebagai pasak kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sesuai dengan usaha mencipta sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Bab 3: Pendekatan Membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Bab ini menjelaskan mengenai pendekatan yang digunakan iaitu bertonggakkan cita-cita Rukun Negara, dirapikan dengan pendekatan yang sistematik dan terancang melalui analisis beberapa dasar utama Kerajaan termasuklah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 selain Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030. Dapatan yang diperolehi melalui sesi libat urus dan maklum balas yang dijalankan bersama pelbagai peringkat kumpulan sasar di seluruh negara menjadi elemen utama dalam membangunkan program-program di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini.

Bab 4: Teras Strategik dan Program Utama Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 mengetengahkan teras strategik dan program-program yang dirangka menggunakan teknik 'SMART' (*Specific, Measureable, Attainable, Relevant, Time-based*) sesuai dengan pragmatisme merealisasikan program/aktiviti mengikut keupayaan institusi di peringkat pusat, negeri dan daerah. Program-program telah dikategorikan di bawah lima (5) kluster utama iaitu pendidikan, ekonomi, kesejahteraan sosial, sosiobudaya, sains, teknologi dan inovasi.

Bab 5: Pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 ini memperincikan mengenai teras strategik, program, agensi peneraju/pelaksana, tempoh pelaksanaan dan keberhasilan yang disasarkan untuk dilaksana dan dicapai dalam tempoh Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini.

Program-Program Utama Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini telah dirangka menggunakan teknik 'SMART' (*Specific, Measureable, Attainable, Relevant, Time-based*) sesuai dengan pragmatisme merealisasikan program/aktiviti mengikut keupayaan institusi di peringkat pusat dan negeri untuk rakyat pelbagai kaum. Terdapat lima (5) kluster utama yang telah diterap dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini iaitu: program pendidikan, ekonomi, kebajkan, sosiobudaya, sains, teknologi dan inovasi.

Teras Strategik 1: Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan

- Teras ini memberi tumpuan khusus untuk membangunkan rakyat yang patriotik dan demokratik melalui program peningkatan literasi dan penghayatan sistem demokrasi dan Perlembagaan Persekutuan. Usaha ini dilihat akan dapat meningkatkan semangat patriotisme yang jitu dan penghayatan jati diri. Peranan Parlimen sebagai platform perpaduan serta kepimpinan tauladan berteraskan ilmu dan menghormati sistem perundangan negara turut ditekankan.

Teras Strategik 2: Membentuk Masyarakat yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

- Matlamat utama teras ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan melalui pelbagai platform seperti menyemai nilai-nilai murni melalui pendidikan formal, mengukuhkan komunikasi di platform digital, merancakkan aktiviti bersifat sukarela dalam komuniti serta membina kepakaran dalam bidang perpaduan.

Teras Strategik 3: Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama

- Aspek sosioekonomi turut diberi perhatian di bawah teras ini untuk mencapai dua (2) objektif iaitu mencipta peluang ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran masyarakat dan mengukuhkan akses kebajikan yang adil dan saksama kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Pelbagai strategi telah dirangka di bawah teras ini yang turut merangkumi penyediaan peluang ekonomi, meningkatkan penglibatan dan kebolehpasaran graduan serta mengukuhkan perlindungan dan bantuan kebajikan.

Teras Strategik 4: Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan

- Objektif utama teras ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati kepelbagaian warisan budaya dan agama. Ini boleh dicapai melalui pelbagai platform dan dilaksanakan melalui program-program seperti seni dan budaya serta perkongsian nilai-nilai murni dalam agama.

Teras Strategik 5: Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi

- Masyarakat progresif melalui penghayatan ilmu sains, teknologi dan inovasi dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui penyediaan persekitaran yang kondusif, pendedahan awal mengenai sains, teknologi dan inovasi di peringkat prasekolah dan menyemarakkan usaha membudayakan sains, teknologi dan inovasi di peringkat komuniti.

Kesimpulan

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 adalah sebuah pelan strategik penyatupaduan yang pertama kali dibina bagi mengukuhkan kesepaduan rakyat dengan tindakan yang komprehensif, bersasar, konsisten dan berterusan. Usaha mendidik, membentuk peribadi dan tingkahlaku masyarakat yang berhemah dengan ketinggian akal budi adalah cabaran besar bagi sebuah negara majmuk yang meletakkan kepelbagaian sebagai identiti bangsa serta bersedia mendokong semangat perpaduan sebagai budaya kehidupan yang dihayati dan diamalkan oleh seluruh Keluarga Malaysia.



BAB 1:
LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

PENGENALAN

Cabaran perpaduan yang kita hadapi pada masa ini telah bermula sejak sekian lama hampir 200 tahun lalu setelah bermulanya pemerintahan kolonial sekitar 1820-an di Tanah Melayu. Ketika itu masyarakat majmuk telah terbina jelas dan kian berkembang akibat migrasi buruh asing yang diperlukan kerana kepentingan ekonomi kolonial British.

Terdapat dua (2) proses bergerak serentak yang perlu ditangani British pada masa itu. Pertama, sifat kepelbagaian (*diversity*) masyarakat yang sangat jelas terlihat, bercambah dan memerlukan perhatian khusus. Kedua, tidak boleh tidak kepelbagaian ini perlu diurus melalui satu sistem dan proses pentadbiran seragam, terpusat, kukuh dan berkesan.

Matlamat akhir British pada ketika itu adalah untuk mewujudkan 'kesatuan dalam kepelbagaian' (*a union in diversity*) di Tanah Melayu melalui strategi tiga (3) tahap: pertama, mengasaskan Negeri-Negeri Selat (*Straits Settlement*) 1826; kedua, menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay States*) 1895; dan ketiga, menguasai pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (*Unfederated Malay States*) 1895.

PERPADUAN KEFAHAMAN AWAL (1970-2013)

'Kesatuan' (*union*) mula retak apabila Singapura keluar daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Seperti retak menanti belah, pada 13 Mei 1969 'kesatuan' (*union*) ini tiba-tiba terhempas pecah berderai dan terungkai kerana berlaku keganasan dan pertumpahan darah dalam konflik Melayu-Cina. Walaupun kejadian utama berlaku di sekitar Kuala Lumpur tetapi gegaran politik dan gelombang psikologinya dirasakan oleh rakyat di semua lapisan masyarakat di seluruh tanah air.

Semenjak itu ungkapan 'peristiwa 13 Mei' menjadi semacam satu simbol yang sekali gus mengandungi kebimbangan dan harapan masyarakat Malaysia: bimbang ianya akan berulang kembali, harapan agar ianya tidak terjadi lagi. Ungkapan-ungkapan 'perpaduan negara,' 'perpaduan nasional' atau 'integrasi nasional' semenjak itu dilafazkan bagi menyimpulkan kebimbangan dan harapan tersebut.

Pada 1 Julai 1969, kira-kira 50 hari selepas peristiwa 13 Mei, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan untuk menjadi peneraju idea dan tindakan praktikal membina 'perpaduan' daripada runtuhan 'kesatuan' sebelumnya, khususnya melalui Majlis Muhibah dan Pejabat Muhibah di peringkat pusat, negeri, daerah dan kawasan, berasaskan Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis-Majlis Muhibah) 1969 yang telah diwartakan pada 18 Julai 1969.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 telah dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) pada Februari 1971. Walaupun DEB adalah sebuah dasar ekonomi tetapi matlamat akhirnya ialah 'perpaduan negara.' Semenjak dari itu agenda perpaduan nasional mula pudar sedikit demi sedikit kerana memberikan fokus kepada agenda ekonomi. Semua ini terbukti apabila Kementerian Perpaduan Negara yang pertama yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1972 dibubarkan pada 24 Julai 1974, diganti dengan Majlis Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sehingga tertubuhnya Jabatan Perpaduan pada 1969 dan kemudian Kementerian Perpaduan Negara pada 1972, kefahaman mengenai 'perpaduan' adalah bersifat kefahaman awal yang memerlukan tindakan segera.

Perpaduan kefahaman awal bersifat simplistik, mekanistik dan literal yang mengisi tebal set minda rakyat umum sejak 1969 dalam keghairahan menginginkan perpaduan dicapai. Namun, diulang sebut hanya bermusim dengan mendendangkan pelbagai idea, program dan agenda yang bersifat *one-off*. Walaupun perpaduan kefahaman awal melalui fasa kritikal dalam lima (5) tahun pertama (1969-1974) tetapi kefahaman ini terus wujud sehingga Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang ditubuhkan pada 2013 meneliti semula konsep perpaduan. Namun, kefahaman majoriti rakyat masih berlegar kepada konsep kefahaman awal ini sehingga 2020.

SIFAT PERPADUAN KEFAHAMAN AWAL

Simplistik

Bermaksud pengertian perpaduan, suatu hal yang kompleks, dipermudah dengan contoh fizikal. Misalnya kalau lebih kerap kita duduk rapat dan makan bersama dalam sebarang jamuan semakin erat perpaduan.

Mekanistik

Bermaksud kandungan perpaduan dibayangkan mempunyai beberapa komponen yang berkait dan tersambung antara satu sama lain, semua boleh bergerak serentak seperti sebuah mesin. Contohnya Sekolah Wawasan ialah sekolah rendah (kebangsaan dan vernakular) yang berkonsep belajar bersama-sama dalam satu kawasan dikongsikan secara fizikal oleh semua kaum yang dihubungkan oleh sebuah jambatan fizikal (*link-way*).

Literal

Bermaksud disebabkan kata akar perpaduan ialah ‘padu’ seperti sebuah batu bata padat dan padu, maka dipersepsikan bahawa akhirnya apabila tercapai perpaduan pun mesti padu atau *solid* sifatnya. Kerana sehingga kini ramai yang menganggap perpaduan belum wujud kerana ia masih longgar dan belum padat serta padu. Lalu semua mengeluh kemudiannya.



SUSUR MASA KEFAHAMAN AWAL

13 Mei 1969

Rusuhan keganasan etnik

14 Mei 1969

Darurat (Ordinan Darurat 1969)

16 Mei 1969

Parlimen digantung, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

1 Julai 1969

Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan

Jun-Ogos 1969

Siri Jamuan Durian, Pasar Muhibah

17 Julai 1969

Majlis Muhibah (Pusat, Negeri, Daerah, Kawasan)

April 1970

Social Science Research for National Unity: A Confidential Report to the Government of Malaysia (1970), biayaan *Ford Foundation*

31 Ogos 1970

Rukun Negara diisytihar semasa Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-13 oleh YDP

1971-1975

DEB di bawah RMKe-2 meletakkan 'Perpaduan Negara' sebagai matlamat akhir

1 Julai 1972

Kementerian Perpaduan Negara wujud

Evolusi Awal Kesatuan Ke Perpaduan (1945-1975)

1. Idea Kolonial KESATUAN (*UNION*): *Malayan UNION* 1945
2. Berlaku tentangan. Wujud PERSEKUTUAN (*FEDERATION*) : Persekutuan Tanah Melayu 1948
3. Idea KESATUAN terus mendasari PERSEKUTUAN, Persekutuan Tanah Melayu 1948, Merdeka 1957, Malaysia 1963
4. 13 Mei 1969 rusuhan keganasan etnik terjadi. KESATUAN pecah berderai
5. Ungkapan PERPADUAN diperkenal dalam Rukun Negara 1970 dan RMKe-2 1971-1975

PEMBENTUKAN PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI (2013–2020)

Walaupun usaha negara secara formal ke arah perpaduan telah bermula sejak perkataan 'perpaduan' diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), namun, perubahan dan kompleksiti semasa menjadikan inisiatif perpaduan tenggelam timbul dalam persaingan negara menuju pembangunan.

Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN), atau *National Unity Consultative Council* (NUCC), yang dilancarkan pada 25 November 2013, merupakan *watershed* kepada usaha meneroka kefahaman baharu perpaduan yang berkesinambungan dengan kefahaman pasca 13 Mei 1969. Bermula dengan penubuhan MKPN, perpaduan kefahaman baharu telah menjadi rujukan dalam inisiatif Kerajaan menggembleng usaha ke arah pembentukan perpaduan dan penyatupaduan masyarakat.

Usaha awal yang digerakkan oleh MKPN adalah dengan mengadakan Dialog Perpaduan di 18 bandar terpilih di seluruh negara dari 22 Februari sehingga 30 Mac 2014. Lanjutan itu, pada 12 Ogos 2015, MKPN telah membentangkan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia 2015 (PPKPM 2015) kepada Jemaah Menteri dan ianya telah diluluskan dengan memperkenalkan kefahaman baharu mengenai perpaduan. Kandungan PPKPM 2015 telah memperkenal istilah 'kesepaduan sosial' dan 'perpaduan nasional'.


PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI

Perpaduan Kefahaman Terkini merupakan kefahaman baharu perpaduan yang mengandungi tiga (3) proses serentak: perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan. Kefahaman baharu inilah menjadi rujukan asas dalam membina Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang diikat dengan lima (5) cita-cita Rukun Negara.

Pertama, pada realitinya **perpaduan** masih diidamkan. Apa yang kita lihat wujud selama 50 tahun hanyalah 'detik-detik perpaduan' (*moments of unity*) yang terjelma apabila kita berdepan cabaran sepunya maka kita berpadu dari segi abstrak dan fizikal, sebagaimana situasi dalam menghadapi COVID-19 semua faham dan akur dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi kebaikan bersama. Kita bersepadu menangani pandemik ini. Selainnya adalah 'detik-detik perbezaan' (*moments of difference*) yang memerlukan perhatian.

Kesepaduan adalah apa yang sebenarnya telah tercapai di Malaysia. Maksudnya pemimpin dan rakyat telah mencapai persetujuan untuk bersetuju dalam banyak hal. Tetapi turut mengakui masih terdapat banyak perkara yang tertangguh penyelesaiannya. Hal-hal ini dilabel sebagai 'detik-detik perbezaan' yang terjelma dalam bentuk defisit sosial. Negara mencapai kesepaduan melalui pembentukan pelbagai 'tapak integrasi' yang dibina berasaskan prinsip 'tawar-menawar, perundingan dan mediasi' (*bargaining, negotiation and mediation*). Perlembagaan Persekutuan adalah mercu tanda sebuah tapak integrasi yang menjadi asas dan teras kesepaduan rakyat Malaysia.

Penyatupaduan pula adalah terjelma dalam bentuk tindakan susulan untuk mencari penyelesaian terhadap setiap defisit sosial. Pelbagai bentuk usaha berterusan yang perlu dilaksanakan membina tapak integrasi di semua lapisan masyarakat: daripada atas ke bawah, bawah ke atas dan dalam kalangan kelompok akar umbi. Oleh itu, penyatupaduan merupakan kunci penting kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini sebagai suatu usaha yang sistematik dan terancang.





BAB 2:
OBJEKTIF PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini telah dirangka dengan mengutamakan inisiatif yang paling relevan bagi memenuhi matlamat negara merealisasikan perpaduan dalam kepelbagaian dengan pendekatan yang lebih komprehensif, sistematik dan terancang. Pelan ini berfokuskan kepada cara untuk mencapai objektif strategik yang telah disusun serta menambah baik usaha memperkukuh perpaduan dalam kalangan bangsa Malaysia. Bagi tujuan itu, pelan ini dirangka berasaskan tiga (3) objektif yang khusus seperti berikut:

1. Menyediakan kerangka rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang etnik.

2. Menjadikan pelan tindakan sebagai ukuran kejayaan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030.

3. Memperkasa cita-cita Rukun Negara sebagai pasak kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sesuai dengan usaha membangunkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.













BAB 3:
PENDEKATAN MEMBANGUNKAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Pendekatan yang digunakan dalam penyediaan pelan ini adalah mengambil kira semua aspek terlibat dalam isu perpaduan. Ini termasuk menerapkan pendekatan sedia ada yang sudah sebati diterima dalam diri masyarakat Malaysia sebagai wadah yang menyatukan semua seperti Rukun Negara. Selain itu, dasar-dasar semasa yang sedia ada turut dikaji dan diteliti untuk dijajarkan dalam pelan ini. Pandangan dan saranan semua pihak dari pelbagai perspektif dan golongan turut tidak dikesampingkan. Malah ia dijadikan input dalam menambah baik strategi dan program dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini.

RUKUN NEGARA

Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 mengandungi dua bahagian. Pertama, bahagian mukadimah (*preamble*) yang mengandungi lima (5) perkara yang dicita-citakan untuk dicapai dan kedua, lima (5) prinsip Rukun Negara sebagai alat mencapai cita-cita tersebut. Lazimnya yang dilafazkan adalah bahagian prinsipnya sahaja. Sedangkan bahagian mukadimah (*preamble*) itulah yang sebenarnya matlamat yang hendak dicapai.

Teras strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini dipasakkan kepada cita-cita Rukun Negara sebagai prakarsa penyatupaduan. Usaha menghidupkan semula lima (5) cita-cita di dalam mukadimah Rukun Negara ini jelas mendokong kepada pengukuhan lima (5) prinsip yang menuntun rakyat ke arah kemakmuran dan keharmonian bersama. Amat bertepatan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini menjadikan Rukun Negara sebagai asas kerana Rukun Negara telah diterima secara sejagat oleh semua lapisan masyarakat majmuk di Malaysia sebagai lambang perpaduan.

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 distruktur untuk mengembalikan semula cita-cita asal perpaduan yang tersurat dalam mukadimah Rukun Negara dengan cara menyusun strategi kepada tindakan yang terancang.

Maka jelaslah di sini, lima (5) Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 diolah berasaskan kata kunci utama dalam mukadimah asal Rukun Negara yang menjadi ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Cita-cita yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci keharmonian dan perpaduan rakyat demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

DASAR-DASAR SEDIA ADA

Pengukuhan asas Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang berteraskan Rukun Negara dirapikan dengan pendekatan yang sistematik dan terancang melalui analisis beberapa sumber utama sebagai kerangkanya iaitu dasar-dasar sedia ada termasuklah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Perpaduan Negara (DPN), Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan lain-lain dasar yang turut menyentuh aspek pembangunan sosioekonomi negara.







1. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030

Bersesuaian dengan aspirasi WKB 2030 ini, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 telah memurnikan program, projek dan aktiviti yang melibatkan semua pihak awam, swasta dan komuniti bagi mencapai ketiga-tiga objektif WKB khususnya menangani ketidaksamaan, dan usaha membina negara yang bersatu, aman dan bermaruah.

Kesemua teras strategik WKB 2030 dirujuk sebagai salah satu asas dalam merangka program dan aktiviti Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Kesemua teras WKB 2030 ini sesuai diterapkan dalam kerangka perancangan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang berkaitan dengan Teras Strategik 3 (TS3) iaitu agihan ekonomi yang adil dan saksama untuk kemakmuran rakyat dan negara, dan Teras Strategik 5 (TS5) iaitu membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi.



2. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) menentukan hala tuju pembangunan negara dalam tempoh lima (5) tahun dan menyediakan rangka kerja asas pelaksanaannya. Ini bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan bermakna ke arah pembentukan masyarakat yang lebih makmur. Bab 4 di bawah RMKe-12 iaitu Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan yang diperjelaskan secara lebih spesifik terutamanya di dalam Bidang Keutamaan E iaitu Memperkukuh Perpaduan Untuk Negara Makmur adalah selari dengan skop Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 untuk mencapai kesepaduan sosial dan perpaduan negara.

Melalui penyusunan Rancangan Malaysia Ke-12, Kerajaan menyedari bahawa kekuatan ekonomi dan kelangsungan pembangunan negara sangat bergantung kepada perpaduan dan kesepaduan masyarakat pelbagai etnik yang membentuk struktur dan biografi negara. Bertepatan dengan strategi bersasar yang dipandu dan digerakkan oleh RMKe-12, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini telah mengambil inisiatif menerapkan aktiviti-aktiviti berkait kesepaduan sosial dan perpaduan yang berteraskan Rukun Negara, menggandakan program yang melibatkan komuniti seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), dialog pelbagai agama, promosi budaya kebangsaan, menyebarluas pendidikan perpaduan awal dan terkini meneruskan kajian pengukuran Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).

Jelas bahawa cabaran dalam kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang cuba ditangani dalam RMKe-12 ini adalah isu yang turut ditekankan dalam Dasar Perpaduan Negara, *Blueprint* Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.



3. Dasar Perpaduan Negara

Dasar Perpaduan Negara yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Februari 2021 menjadi rangka asas pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Pembentukan strategi, program dan aktiviti yang spesifik serta konkrit disesuaikan dengan usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang mengamalkan cara hidup berbudi, saling menyantuni, progresif dan berfikir perpaduan bersama-sama ke arah Malaysia yang sejahtera.

Dasar ini menonjolkan usaha dan matlamat jangka panjang yang telah dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam mengukuhkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan dalam kalangan rakyat. Maka usaha memenuhi matlamat ini dijelmakan dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sebagai sebuah perancangan komprehensif dan dinamik bagi mengukuhkan usaha penghayatan perpaduan yang berterusan.

Dasar Perpaduan Negara mempunyai tiga (3) objektif utama iaitu:

- mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
- membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab; dan
- melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.



4. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 juga menjadi rujukan dalam penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang menyusun strategi pelaksanaan program-program perpaduan di semua peringkat serta menyusun inisiatif bagi mewujudkan ekosistem perpaduan yang kondusif. Rangka tindakan ini menggariskan 41 anjakan strategik yang melibatkan inisiatif di peringkat individu, keluarga, pendidik, institut pengajian tinggi (IPT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta, komuniti, pemimpin dan agensi kerajaan bagi mencapai aspirasi perpaduan yang diidamkan.

SESI KONSULTASI, LIBAT URUS DAN MAKLUM BALAS RAKYAT

Kementerian turut melihat kepada pelbagai perspektif dan meneliti pandangan daripada kalangan pakar perpaduan dan para akademia yang komited dalam membantu membangunkan pelan ini. Untuk itu, Kementerian telah melantik Pakarunding Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menyediakan kerangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 serta menyediakan analisis dapatan hasil daripada siri konsultasi dan libat urus yang dilaksanakan bagi mendapatkan input berkaitan pelan ini.

Beberapa sesi konsultasi dan libat urus yang menyeluruh telah dilaksanakan bagi memastikan suara setiap peringkat masyarakat diambilkira. Sesi konsultasi ini telah melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan Ahli Dewan Negara, NGO, pihak swasta, wakil akademik dan pakar-pakar perpaduan serta masyarakat umum di seluruh negara sehingga ke peringkat daerah dan akar umbi.



1. Maklum Balas Kementerian/Agensi Kerajaan

Sesi maklum balas bersama pihak kementerian/agensi telah melibatkan 46 buah kementerian dan agensi Kerajaan. Setiap Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 telah difahami, disemak dan diteliti oleh setiap kementerian dan agensi kerajaan. Kehadiran dan penglibatan wakil kementerian dan agensi menzahirkan komitmen dalam pelaksanaan program dan tindakan di dalam pelan tersebut yang selari dengan visi dan misi kementerian masing-masing.

2. Sesi Konsultasi Ahli Dewan Negara, NGO dan Swasta

Kementerian dengan semangat keterangkuman telah mengadakan sesi maklum balas bersama NGO dan pihak swasta untuk berkongsi pandangan mengenai Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Maklum balas secara lisan dan bertulis diteliti dan disesuaikan dengan Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Kepekaan NGO sebagai sebuah gerakan sosial yang mengambil berat akan kebajikan rakyat membolehkan objektif meningkatkan tahap kefahaman mengenai perpaduan dapat dilakukan dengan penglibatan komuniti. Sektor swasta pula menggarapkan aspek keberkesanan menerusi tanggungjawab sosial korporat terhadap masyarakat (*Corporate Social Responsibility* atau CSR).

Secara umumnya, pihak NGO dan swasta berkongsi aspirasi memperkasa penglibatan individu, keluarga dan komuniti dalam mekanisme mencapai perpaduan yang diidamkan serta memastikan keamanan masyarakat membawa kesejahteraan bersama.

3. Sesi Maklum Balas Rakyat

Pandangan dan kefahaman rakyat adalah penting untuk membolehkan pelan tindakan ini merangkumkan realiti sebenar kehendak masyarakat.

Oleh itu, Sesi Maklum Balas Rakyat telah diadakan di seluruh negara sepanjang bulan Ogos sehingga Disember 2020. Sesi ini telah dijayakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan kepimpinan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berjaya menghimpunkan kejiranan daripada pelbagai demografi dan spatial.

Maklum balas rakyat terhadap kajian tinjauan ini dilakukan melalui dua (2) kaedah iaitu bersemuka dan secara atas talian. Soalan kajian tinjauan adalah bersifat terbuka atau *open-ended*. Peserta dikehendaki menjawab dua (2) bahagian soalan iaitu kefahaman (5 soalan) dan cadangan (5 hasrat) sesuai dengan lima (5) cita-cita Rukun Negara yang menjadi teras pembinaan pelan tindakan ini. Tempoh masa selama sebulan telah ditetapkan bagi mengutip data kajian tinjauan. Maklum balas kajian tinjauan ini seterusnya disaring dan diukur dapatannya.

4. *Team* Ahli Pemikir (TAP)

Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menubuhkan *Team* Ahli Pemikir (TAP) sebagai '*think tank*' bagi membahas dan memperincikan isu-isu semasa berkaitan perpaduan masyarakat. TAP dilantik dalam kalangan tokoh masyarakat, akademia, pakar perpaduan dan aktivis sebagai pakar rujuk dalam memperhalusi jurang sosial yang timbul dalam masyarakat agar keputusan yang dibuat oleh KPN bersandarkan bukti empirikal dan dikongsi bersama rakyat dalam wadah yang tepat dan sesuai. TAP turut menjadi tulang belakang dalam pembinaan Dasar Perpaduan Negara dan membantu KPN dalam meneliti kesinambungan Dasar Perpaduan Negara dengan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Pelaksanaan Sesi Maklum Balas Rakyat Terhadap Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

Tinjauan soalan terbuka

1. Apakah yang anda faham mengenai Cita-Cita Rukun Negara?
2. Apakah program/aktiviti perlu dibuat untuk mencapai Cita-Cita tersebut?

Cara menjawab soalan :

1. **Bersemuka (Kod QR) = 44,789 responden**
2. ***Online* (WhatsApp, *Website* KPN, emel) = 11,494 responden**

Jumlah Keseluruhan Maklum Balas Lengkap = 55,583
Lokasi Tinjauan : 13 Negeri, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) / 94 Daerah


Bilangan responden mengikut negeri



Terengganu: 3,433 | Perlis: 2,195 | Selangor: 4,455 | N.Sembilan: 3,252 | Johor: 4,461



Kelantan: 2,275 | Perak: 3,663 | Kedah: 3,666 | Pahang: 3,415 | Sabah: 2,166




Sarawak: 13,224 | Melaka: 2,868 | Pulau Pinang: 4,017 | W. Persekutuan: 2,493

Hasil dapatan kajian ini dianalisa menggunakan perisian *MonkeyLearn* dan tema jawapan yang dibina adalah yang paling kerap diulang tulis oleh responden. Kelebihan perisian *MonkeyLearn* bagi kutipan data kualitatif '*open-ended*' yang berjaya disaring sebanyak 44,789 maklum balas bertulis ialah keupayaan *Artificial Intelligence* (AI) yang membolehkan sistem belajar dan mengenalpasti setiap maklum balas dan meletakkan input ini ke dalam tema yang dibina hasil daripada kekerapan yang paling tinggi.

DAPATAN KAJIAN MELALUI SESI MAKLUM BALAS RAKYAT

Analisa Demografi


Paparan *dashboard* hanya memaparkan lima (5) rekod tertinggi bagi empat (4) bentuk demografi iaitu etnik, agama, negeri dan tahap pendidikan. Maklumat demografi bertujuan memaparkan jumlah dan ciri responden yang telah terlibat memberikan maklum balas ini.



Maklum Balas Berdasarkan Etnik

- Melayu - 83%
- Iban - 5.4%
- Cina - 4.7%
- India - 4.7%
- Kadazandusun - 2.2%


Lima (5) etnik tertinggi dipaparkan dalam *dashboard* ini iaitu Melayu (33,903 orang), diikuti oleh Iban (2,200 orang), Cina (1,931 orang), India (1,924 orang) dan Kadazandusun (874 orang).



Maklum Balas Berdasarkan Tahap Pendidikan

- Sekolah Menengah - 49.6%
- Diploma - 20.9%
- Ijazah - 20.4%
- Lain-lain - 5.7%
- Sekolah - 3.4%

Majoriti responden yang memberikan maklum balas mencapai tahap pendidikan sekolah menengah (21,407 orang) dengan memiliki Sijil SPM atau STPM. Seterusnya diikuti oleh tahap Diploma (9,004 orang) dan Sarjana Muda (8,809 orang). Sejumlah 1,511 orang responden mempunyai tahap pendidikan pada peringkat sekolah rendah manakala 2,442 orang yang lain diletakkan dalam tahap pendidikan lain-lain berdasarkan pemilikan Sijil Kemahiran yang pelbagai.



Maklum Balas Berdasarkan Agama

Islam - 82.8%
Kristian - 9.7%
Hindu - 3.6%
Buddha - 3.4%
Lain-lain - 0.5%

Majoriti responden beragama Islam (36,800 orang). Pecahan agama seterusnya ialah Kristian (4,317 orang), Hindu (1,608 orang), Buddha (1,529 orang) dan pelbagai anutan agama lain (209 orang).



Maklum Balas Berdasarkan Negeri

Sarawak - 36.5%
Johor - 17.8%
Selangor - 17.3%
Perak - 14.5%
Pahang - 13.9%

Responden yang menjawab dari negeri Sarawak adalah tertinggi (13,224 orang) diikuti oleh Johor (4,006 orang), Selangor (3,892 orang), Perak (3,277 orang) dan Pahang (3,145 orang).

Dapatan Sesi Maklum Balas Rakyat Mengenai Cita-cita Dan Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

Analisis input maklum balas bersama rakyat adalah pandangan bertulis yang telah dikutip menerusi soalan tinjauan terbuka yang diedarkan melalui imbasan Kod QR iaitu secara bersemuka dan aplikasi WhatsApp, *Website* KPN serta emel. Jumlah keseluruhan maklum balas yang berjaya dikutip di 13 negeri, satu (1) Wilayah Persekutuan dan 94 daerah adalah berjumlah 55,583 orang.

DAPATAN SESI MAKLUM BALAS RAKYAT MENGENAI CITA-CITA & TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

CITA-CITA RUKUN NEGARA	TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030	Apakah yang anda faham mengenai cita-cita tersebut?	Apakah cadangan program / aktiviti yang perlu dilaksanakan untuk mencapainya? (*Pendidikan, **Aktiviti Kolektif)
Memelihara satu cara hidup demokratik	Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan	1. Taat setia kepada Raja-raja Melayu (100%) 2. Kepatuhan Kepada Undang-Undang dan Perlembagaan (100%) 3. Kedaulatan Raja dan Negara (75.3%)	1. Program pendidikan Raja Berperlembagaan (89%) 2. Program pengamalan Rukun Negara (93%) 3. Program kepatuhan perlembagaan dan undang-undang (94%)
Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya	Membentuk Masyarakat yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan	1. Hormat-menghormati (100%) 2. Aman damai (98%) 3. Harmoni (92%) 4. Toleransi (93%)	1. Program pendidikan hubungan sosial rentas etnik (100%) 2. Program pendidikan menghayati Rukun Negara (91%) 3. Program/aktiviti rentas etnik (92%)
Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama	Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama	1. Bersama membangunkan negara (94%) 2. Kemakmuran Negara Dikongsi Bersama (79%)	1. Perluaskan aktiviti peluang kerja & ekonomi (83.2%) 2. Laksana perkongsian kemakmuran negara meliputi semua golongan (90.3%)
Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi- tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak	Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan	1. Bina kefahaman kebudayaan pelbagai kaum (100%) 2. Menghormati kebudayaan majmuk (100%)	1. Program Jalinan Muhibbah (100%) 2. Aktiviti menghormati budaya berbeza (83.3%)
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden	Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi	1. Kemajuan negara berasaskan ilmu (97%) 2. Membentuk masyarakat berperadaban (97%) 3. Pendidikan berterusan (95%)	1. Sistem pendidikan untuk semua (100%) 2. Pendidikan bertaraf dunia (90%) 3. Bina masyarakat berilmu (77.4%) 4. Sediakan tajaan belajar (61.1%) 5. Guna dan jana teknologi bermanfaat (65.8%)

Analisis Sentimen

Analisis sentimen bertujuan mengkategorikan pandangan mengenai kefahaman responden dalam arah positif, negatif dan tentatif (iaitu kedudukan tidak dapat membuat keputusan dengan jelas). Majoriti responden berpandangan positif (194,794 pandangan) mengenai kelima-lima cita-cita Rukun Negara. Hanya 3,234 pandangan menunjukkan sentimen negatif dan sebanyak 5,197 pandangan diklasifikasikan sebagai sentimen negatif.

Bagi sentimen positif, usaha untuk mempertingkatkan tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap perbezaan budaya, agama dan bangsa yang rencam boleh diteruskan melalui pelaksanaan pelbagai program/aktiviti yang bersifat kolektif dan '*engaging*'. Kerjasama KRT dan NGO di seluruh negara wajar dipergiat bagi mengukuhkan jati diri dan rasa kebersamaan dalam usaha memperkasa perpaduan.

Bagi sentimen tentatif, boleh dirumuskan bahawa kebanyakan responden kurang bersedia untuk memikirkan secara tuntas program yang boleh memacu usaha ke arah perpaduan kerana berada dalam zon selamat dan selesa. Kekerapan jawapan yang diberi boleh disifatkan sebagai tentatif kerana ianya tidak menunjukkan sentimen positif mahupun negatif.

Bagi sentimen negatif, kekerapan jawapan berlegar kepada rasa tidak puas hati sama ada bersifat peribadi atau sebaliknya. Namun sentimen ini memberi petunjuk bahawa usaha yang giat perlu dilakukan dalam memberi literasi tentang sejarah dan biografi masyarakat Malaysia, evolusi sekolah vernakular, kedudukan Raja-raja Melayu dan literasi perlembagaan yang harus diberi pendedahan awal mengikut kohort umur dan kesesuaian.

Usaha kepada merealisasikan cita-cita dan prinsip Rukun Negara telah dilakukan dengan perancangan yang sistematik dengan penglibatan pelbagai pihak dan peringkat melalui Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Inisiatif ini perlu diteruskan demi kelangsungan hidup dalam negara yang aman dan makmur.

Hasil penelitian kesemua sumber utama, dapatan komprehensif yang dirumuskan ialah:

1. Rakyat mahu perpaduan dibina melalui sikap hormat-menghormati, aman, toleransi dan harmoni;

2. Sistem demokrasi dengan Raja Berperlembagaan perlu dipelihara dengan taat setia mendaulatkan Raja-raja Melayu serta patuh kepada keluhuran Perlembagaan dan undang-undang;

3. Pembangunan negara perlu digerakkan melalui pemerkasaan sosioekonomi rakyat supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama;

4. Kefahaman dan menghormati budaya pelbagai kaum perlu disubur dan dipertahankan; dan

5. Negara Malaysia perlu membina bentuk keilmuan dan peradaban tersendiri melalui proses pendidikan berterusan yang senada dan sama sistemnya kepada seluruh warganegara.

Hasil maklum balas ini juga mendapati dua (2) komponen cadangan dikemukakan oleh rakyat bagi mengukuhkan cita-cita Rukun Negara iaitu:

1. Pendidikan bertujuan mengeratkan hubungan rentas etnik, meningkatkan penghayatan kepada Rukun Negara, membina kefahaman mengenai sistem Raja Berperlembagaan, mengukuhkan sistem pendidikan yang meliputi semua kaum dan bertaraf dunia kepada seluruh rakyat; dan

2. Program dan aktiviti rentas etnik, usaha mengamalkan cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta usaha meningkatkan kefahaman Perlembagaan dan kepatuhan kepada undang-undang perlu digerakkan dengan serius.

Serentak dengan itu, peluang pekerjaan dan ekonomi perlu dipergiatkan supaya kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira kaum, etnik atau kelas sosial.

Selain itu, program-program seperti program jalinan muhibah, penghayatan kepelbagaian budaya, peningkatan ilmu pengetahuan, pendidikan dan penggunaan teknologi perlu disusun dan digerakkan dengan terancang.



Analisis Input daripada pihak NGO dan Swasta

Himpunan maklum balas daripada pihak NGO dan swasta berkisar kepada beberapa perkara seperti berikut:


1. Mengurus kepelbagaian dengan menekankan aspek sosial mobiliti masyarakat sebagai usaha mengikat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.
2. Mempromosi dan meraikan kepelbagaian budaya dengan mengambil inisiatif mengenali peranan dan fungsi rumah ibadah.
3. Menonjolkan lebih banyak naratif / filem / video / simbolik kebersamaan dan toleransi antara kaum.
4. Menjadikan sukan atau aktiviti riadah sebagai tapak yang menghubungkan penglibatan masyarakat pelbagai etnik dan menyuburkan semangat setia kawan bagi mengurangkan sifat prejudis.
5. Menyumbangkan tenaga dan kewangan sukarela bagi kerja-kerja kemasyarakatan.
6. Meningkatkan usaha mencipta kefahaman perpaduan yang sama dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.
7. Mengiktiraf sumbangan semua kaum dan pelbagai pihak dalam pembinaan negara dan pengukuhan kesejahteraan bersama.
8. Mendokong keluhuran Perlembagaan dengan memberi literasi Perlembagaan Persekutuan sebagai lambang perpaduan kepada rakyat mengikut kohort umur, orientasi pendidikan, dan kawasan bandar/luar bandar.

Kekerapan Tema Jawapan Dari Maklum Balas Responden

Apakah yang anda faham mengenai Cita-Cita Rukun Negara?



Apakah program/aktiviti perlu dibuat untuk mencapai Cita-Cita tersebut?





BAB 4:
TERAS STRATEGIK DAN PROGRAM PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN NEGARA 2021-2030

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dibentuk berteraskan perpaduan kefahaman terkini yang diikat kepada cita-cita Rukun Negara. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 distruktur untuk mengembalikan semula cita-cita asal perpaduan yang tersurat dalam mukadimah Rukun Negara dengan cara menyusun strategi kepada tindakan yang terancang. Lima (5) Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (TS1 hingga TS5) diolah berasaskan kata kunci utama dalam mukadimah asal Rukun Negara.



ADAPTASI MUKADIMAH RUKUN NEGARA MENJADI TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Mukadimah Rukun Negara

- Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya
- Memelihara satu cara hidup demokratik
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

Teras Strategik Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

TS1
TERAS STRATEGIK
Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan



TS2
TERAS STRATEGIK
Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan



TS3
TERAS STRATEGIK
Memperkasakan sosioekonomi yang adil dan saksama



TS4
TERAS STRATEGIK
Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan



TS5
TERAS STRATEGIK
Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi



PENERANGAN TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN NEGARA 2021-2030

TERAS STRATEGIK 1 - Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan



Teras ini memberi tumpuan khusus untuk membangunkan rakyat yang patriotik dan demokratik melalui program peningkatan literasi dan penghayatan sistem demokrasi dan Perlembagaan Persekutuan. Usaha ini dilihat akan meningkatkan semangat patriotisme penghayatan jati diri bangsa. Peranan Parlimen sebagai platform perpaduan serta kepimpinan tauladan berteraskan ilmu dan menghormati sistem perundangan negara turut ditekankan.

TERAS STRATEGIK 2 - Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan



Matlamat utama teras ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan melalui pelbagai platform seperti menyemai nilai-nilai murni melalui pendidikan formal, mengukuhkan komunikasi di platform digital, merancakkan aktiviti bersifat sukarela dalam komuniti serta membina kepakaran dalam bidang perpaduan.

TERAS STRATEGIK 3 - Memperkasakan sosioekonomi yang adil dan saksama



Aspek sosioekonomi turut diberi perhatian di bawah teras ini dan dilaksanakan melalui dua (2) objektif iaitu mencipta peluang ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran masyarakat dan mengukuhkan akses kebajikan yang adil dan saksama kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Pelbagai strategi telah dirangka di bawah teras ini yang turut merangkumi penyediaan peluang ekonomi, meningkatkan penglibatan dan kebolehpasaran graduan serta mengukuhkan perlindungan dan bantuan kebajikan.

TERAS STRATEGIK 4 - Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan



Objektif utama teras ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai warisan budaya dan agama yang bercirikan kepelbagaian etnik. Ini boleh dicapai melalui pelbagai platform melalui sukan, seni dan budaya serta perkongsian nilai-nilai murni dalam setiap agama.


TERAS STRATEGIK 5 - Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi



Masyarakat progresif melalui penghayatan ilmu sains, teknologi dan inovasi dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui penyediaan persekitaran yang kondusif. Pendedahan awal mengenai sains, teknologi dan inovasi di peringkat pra-sekolah amat penting, begitu juga dengan membudayakan sains, teknologi dan inovasi di peringkat komuniti.

KLUSTER PROGRAM PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini telah dirangka menggunakan teknik 'SMART' (*Specific, Measureable, Attainable, Relevant, Time-based*) sesuai dengan pragmatisme merealisasikan program/aktiviti mengikut keupayaan institusi di peringkat pusat, negeri dan daerah. Program-program di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini dikategorikan di bawah lima (5) kluster utama berikut:



Kesemua program dibawah lima (5) kluster ini terkandung dalam teras strategik dan objektif yang ditetapkan. Perincian setiap inisiatif bagi setiap kluster program telah disusun mengikut strategi, program/tindakan, indikator, tempoh laksana, agensi dan keberhasilan yang ingin dicapai dalam tempoh pelan ini dirancang.






BAB 5:
PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

RINGKASAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

5
TERAS STRATEGIK



15
STRATEGI

57
PROGRAM

55
KEMENTERIAN/ AGENSI KERAJAAN, NGO DAN SWASTA

MATRIKS PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

TERAS STRATEGIK 1
Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan

Objektif:
Memperkukuh penghayatan sistem demokrasi Raja Berperlembagaan dan semangat patriotisme

Strategi 1:
Meningkatkan literasi dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan sistem demokrasi Raja Berperlembagaan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Menawarkan program literasi Perlembagaan Persekutuan dan celik sistem demokrasi Raja Berperlembagaan kepada masyarakat	Bilangan peserta yang mengikuti program literasi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • ILKAP,JPM • KPT	• Pemahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan dan sistem demokrasi meningkat • Memacu keharmonian dalam negara melalui penghayatan Perlembagaan Persekutuan • Generasi pemimpin pelapis masa hadapan yang berdisiplin dan menghormati Perlembagaan Persekutuan
2. Program Rukun Negara@Belia (RNB)	Bilangan peserta mengikuti program RNB	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KBS (melalui i-LEAD	• Jati diri dan semangat patriotisme meningkat • Golongan belia/pelajar yang lebih memahami, bersedia dan mengerti tentang kepentingan melibatkan diri dalam pembangunan negara • Menjana semangat cintakan negara dan sifat kebertanggungjawaban yang tinggi kepada negara
3. Melaksanakan program literasi Perlembagaan Persekutuan Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebelum mengangkat sumpah	Semua Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengikuti program literasi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • JPM **Agensi Pelaksana:** • Parlimen • ILKAP, JPM • DUN • KPN	• Pemahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan meningkat • Kepimpinan berteraskan ilmu dalam sistem perundangan dan demokrasi

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
4. Program kapsul media sosial dalam bentuk siri video pendek disediakan berhubung sistem demokrasi Raja Berpelembagaan serta semangat cintakan negara	Tiga hingga lima siri video pendek ditayangkan melalui media eletronik, sosial media dan papan iklan digital di seluruh negara	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KKMM **Agensi Pelaksana:** • KPN • FINAS • RTM	• Jati diri dan semangat patriotisme meningkat • Peranan sektor industri hiburan sebagai ejen perpaduan dipertingkatkan
5. Menggalakkan industri hiburan dalam menghasilkan filem, drama, dokumentari dan iklan yang melibatkan sejarah perpaduan negara serta berunsur patriotik dan cintakan negara	Tiga hingga lima filem, drama, dokumentari dan iklan diterbitkan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KKMM **Agensi Pelaksana:** • FINAS • GLC	• Mesej positif tentang perpaduan disebar luas secara tidak langsung melalui hiburan
6. Meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung fungsi dan peranan Badan Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman	Bilangan program kesedaran yang dilaksanakan	Jangka Pendek: 2021-2023	**Agensi Peneraju:** • KKMM **Agensi Pelaksana:** • JAPEN • RTM • BERNAMA • ILKAP, JPM	• Kepercayaan kepada keadilan sistem demokrasi negara meningkat

TERAS STRATEGIK 1
Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan

Objektif:
Memperkukuh penghayatan sistem demokrasi Raja Berperlembagaan dan semangat patriotisme

Strategi 2:
Meningkatkan peranan Parlimen sebagai platform perpaduan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Perpaduan di bawah Kaukus Dewan Negara	Satu jawatankuasa Kerja Perpaduan ditubuhkan di bawah Kaukus Dewan Negara	Jangka Pendek: 2021-2023	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • Parlimen	• Isu berkaitan perpaduan sebagai isu penting di peringkat tertinggi Parlimen
2. Menyediakan program pengisian berkaitan Perlembagaan, institusi beraja dan peranan Ahli Parlimen bagi setiap lawatan berkumpulan ke Parlimen	Bilangan program pengisian yang dilaksanakan kepada kumpulan lawatan ke Parlimen	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • Parlimen, JPM **Agensi Pelaksana:** • Bahagian Komunikasi Korporat, JPM	• Kesedaran berhubung sistem demokrasi Raja Berperlembagaan meningkat • Institusi beraja terpelihara dan dihormati

TERAS STRATEGIK 2
Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

Objektif:
Meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme melalui pelbagai platform perpaduan

Strategi 1:
Memperkasakan perpaduan melalui sistem pendidikan negara

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Memperkasakan modul sedia ada melalui penerapan elemen pendidikan Rukun Negara dalam setiap peringkat pendidikan	Modul-modul diperkasakan: 1) Prasekolah 2) Sekolah rendah 3) Sekolah menengah 4) Institusi Latihan 5) Institusi Pengajian Tinggi	Jangka Pendek: 2021-2023	**Agensi Peneraju:** • KPM • KPT **Agensi Pelaksana:** • KBS • KPN • KPLB • KPWKM	• Wujud kesinambungan berhubung kepentingan perpaduan dan Rukun Negara dalam sistem pendidikan negara • Generasi baharu yang menghayati prinsip dan Rukun Negara sebagai panduan amalan hidup
2. Membangunkan Modul Pengurusan dan Aktiviti Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara yang mempunyai elemen kenegaraan dan patriotisme	1) Bilangan program yang dijalankan oleh KRN dan SRN 2) Penilaian *Star Rating* bagi menilai keaktifan KRN dan SRN	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • KPM • KPT	• Semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi meningkat
3. Meningkatkan penguasaan Bahasa Kebangsaan dan menggalakkan pembelajaran bahasa etnik/ dialek tempatan sebagai bahasa ketiga	1) Menggalakkan penawaran kelas bahasa kedua kepada pelajar di sekolah 2) Bilangan program/ kempen Cintakan Bahasa Kebangsaan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM **Agensi Pelaksana:** • KKMM • KPT • JPNIN	• Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan • Semangat cintakan pelbagai bahasa serta minat bahasa kaum lain meningkat
4. Memantapkan peranan guru sebagai ejen perpaduan dan sosialisasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran dari peringkat prasekolah, sekolah rendah hingga ke peringkat menengah atas termasuk kolej matrikulasi dan Institusi Pendidikan Guru	Bilangan program yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM	• Guru menjadi contoh terbaik dalam halatuju perpaduan dalam pendidikan

TERAS STRATEGIK 2
Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

Objektif:
Meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme melalui pelbagai platform perpaduan

Strategi 2:
Mengukuhkan komunikasi dan platform digital melalui peningkatan kesedaran sosial dalam masyarakat

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Mendidik penggunaan media massa dengan beretika (*ethical*)	Bilangan kempen kesedaran melalui infografik, poster, video, sesi laman sesawang/ media sosial dan sesi ceramah (CSM)	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KKMM **Agensi Pelaksana:** •Cybersecurity Malaysia • JAPEN • BERNAMA • RTM	• Masyarakat yang menggunakan platform digital dengan lebih bertanggungjawab dan beretika
2. Meningkatkan advokasi dan kesedaran berhubung konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian	Bilangan kempen kesedaran melalui infografik dan poster berhubung kepelbagaian masyarakat Malaysia	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN • KKMM • JAPEN • RTM • BERNAMA	• Rakyat Malaysia yang lebih peka dan menghormati tentang kepelbagaian yang wujud di negara • Memperbanyakkan kandungan positif mengenai perpaduan dalam kalangan masyarakat
3. Memperkukuh undang-undang sedia ada bagi membanteras sebarang unsur jahat, hasutan atau berita palsu yang menjejaskan perpaduan	Menguatkuasakan undang-undang sedia ada dan advokasi kesedaran awam	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • KKMM **Agensi Pelaksana:** • KDN • MINDEF • SKMM • NACSA, MKN • BHEUU	• Melahirkan individu yang lebih bertanggungjawab dalam memelihara perpaduan • Melahirkan masyarakat yang peka dan sensitif kepada isu yang menimbulkan ketegangan
4. *Webinar*/dialog @KafePerpaduan bersama NGO dalam mengupas isu-isu perpaduan	Bilangan *webinar*/dialog dianjurkan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN	• NGO sebagai rakan strategik dalam bidang perpaduan • Rakyat yang lebih peka dan dilibatkan dalam perbincangan isu-isu perpaduan

TERAS STRATEGIK 2
Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

Objektif:
Meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme melalui pelbagai platform perpaduan

Strategi 3:
Membudayakan semangat kesukarelawanan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dan sukarelawan di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi	Bilangan program yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM dan KPT	• Membangunkan kesejahteraan komuniti • Pelajar yang berempati dan mempunyai nilai-nilai murni • Generasi muda yang lebih prihatin dan peka dengan tanggungjawab sosial di dalam komuniti
2. Meliterasikan golongan muda untuk merencana program berdasarkan isu setempat	Bilangan program yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN • KBS	• Pemimpin muda yang peka dan mampu mengurus isu setempat
3. Pemerkasaan semangat kesukarelawanan dalam komuniti	Bilangan latihan yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KDN • KPN **Agensi Pelaksana:** • KKM • PDRM • MKN • BOMBA • NADMA • JPNIN • APM • JKM • KPKK • RELA	• Minda sukarelawan dipupuk dalam masyarakat • Semangat patriotisme dan sikap kebertanggungjawaban bersama dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman negara meningkat • Kemahiran, pengetahuan dan kepakaran pegawai dan anggota pelaksana program kesukarelawanan dalam melaksanakan tugas dalam komuniti meningkat

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
4. Program Kesukarelawanan Belia Antarabangsa (MyCorps)	Bilangan pemimpin sukarelawan belia dilahirkan setiap tahun	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KBS **Agensi Pelaksana:** • KLN • MINDEF • KPLB • KPKT • NGO • UNICEF • PBSM • ROTARY CLUB MALAYSIA	• Sukarelawan mempunyai kesiapsiagaan yang tinggi untuk melaksanakan tugas • Tenaga sukarelawan wujud pada tahap tinggi • Sukarelawan belia yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan • Sukarelawan belia yang peka dan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi
5. Program Rakan Muda *Day Out* (RMDO)	Bilangan program dilaksanakan di peringkat daerah	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KBS **Agensi Pelaksana:** • KPM • KPT • KPLB • KPKT • MAJLIS BELIA MALAYSIA • JBSN/JBSD	• Melahirkan sukarelawan belia yang berpengetahuan, berkemahiran, prihatin, bertanggungjawab dan peka dengan isu setempat
6. Program Kesukarelawanan Komuniti NGO bersama rakyat	Bilangan program sukarela dilaksanakan oleh NGO perpaduan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN	• Sikap altruism yang tinggi dalam komuniti • NGO sebagai rakan strategik dalam program perpaduan dalam komuniti

TERAS STRATEGIK 2
Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

Objektif:
Meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme melalui pelbagai platform perpaduan

Strategi 4:
Memperkukuh keharmonian kejiranan dan komuniti

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Memperkasa fungsi mediasi sosial dalam komuniti	1) Bilangan Mediator Komuniti (MK) bertauliah 2) Bilangan program pemerkasaan dan latihan MK 3) Bilangan MK yang dilatih	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN	• Mediator yang berkepakaran dalam menyelesaikan konflik dalam komuniti
2. Memelihara keselamatan komuniti melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS)	Bilangan rondaan yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN NEGERI	• Keselamatan dan kesejahteraan komuniti meningkat
3. Program memerangi isu sosial dalam kalangan remaja di perumahan awam	Bilangan program dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KWP **Agensi Pelaksana:** • DBKL • PBT	• Masalah sosial setempat diselesaikan • Komuniti yang prihatin dan terlibat dengan penyelesaian isu sosial
4. Memperkasakan penglibatan Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP/MPKK) dalam program-program komuniti	Bilangan program dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KWP **Agensi Pelaksana:** • DBKL • PBT	• MPPWP/MPKK yang diperkasakan mewakili suara penduduk setempat

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
5. Meningkatkan kerjasama strategik merentasi pelbagai sektor dengan pihak NGO dan swasta melalui program dan aktiviti memperkasakan komuniti dan mengukuhkan perpaduan	1) Bilangan program NGO dan sektor swasta bersama komuniti 2) Bilangan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • KPN	• Komuniti yang inklusif • Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan NGO dan masyarakat • Wujud jaringan perpaduan merentasi pelbagai sektor dan segmen masyarakat yang lebih kukuh
6. Bengkel Kepimpinan Komuniti bersama NGO	Bilangan bengkel dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN	• Kesedaran berhubung isu keluarga lebih tinggi • Pemimpin komuniti yang lebih cekap dan berkepakaran

TERAS STRATEGIK 2
Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

Objektif:
Meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme melalui pelbagai platform perpaduan

Strategi 5:
Membangunkan kepakaran dalam bidang perpaduan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Melaksanakan kajian bagi memantapkan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) sebagai peneraju kajian dan latihan dalam bidang perpaduan	Kajian pemantapan IKLIN dihasilkan untuk dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN	• IKLIN diperkasa dan dijenamakan semula • IKLIN menjadi institusi rujukan bagi kajian dan latihan dalam bidang perpaduan
2. Menyediakan geran kajian kepada pegawai berkepakaran dalam bidang perpaduan, khususnya kajian kepelbagaian etnik, agama dan budaya	Bilangan geran kajian yang diberikan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • KPT • IKLIN	• Individu yang berkepakaran dalam bidang perpaduan • Penghasilan kajian dan bahan rujukan dalam bidang perpaduan yang lebih khusus
3. Mewujudkan pangkalan data dan direktori NGO Perpaduan dalam pelbagai bidang bagi tujuan pemadanan melaksanakan program perpaduan (*Unity Match*)	Bilangan NGO Perpaduan didaftarkan di bawah KPN	Jangka Pendek: 2021-2023	**Agensi Peneraju:** • KPN	• Platform mudah bagi pelbagai pihak untuk menjalinkan kerjasama dalam melaksanakan program perpaduan • Kerjasama strategik antara NGO dengan Kerajaan/ swasta melalui padanan berdasarkan bidang kepakaran NGO

TERAS STRATEGIK 3
Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama

Objektif 1:
Mencipta peluang untuk meningkatkan kemakmuran masyarakat

Strategi 1:
Menyediakan peluang ekonomi kepada kumpulan sasaran yang berkelayakan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Program Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP) dan *Change Upgrade Product* (CUP)	Bilangan usahawan industri makanan dan asas tani menerima geran HIP dan CUP	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • MAFI	• Meningkatkan nilai jualan tahunan usahawan sebanyak 20%
2. Pembangunan program latihan kemahiran dalam enam (6) bidang agrikomoditi ke arah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	Pelaksanaan program kemahiran bertaraf Sijil/ Diploma Kemahiran Malaysia (SKM/DKM) dan pelaksanaan program TVET bagi enam (6) bidang dalam sektor agrikomoditi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • *Institute of Malaysian Plantation and Commodities* (IMPAC), MPIC	• Peningkatan penglibatan tenaga mahir tempatan khususnya golongan belia dalam industri agrikomoditi seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing
3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	Bilangan penerima bantuan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPLB	• Rakyat miskin dan golongan B40 dibimbing bagi menambahkan pendapatan • Ekonomi tempatan luar bandar meningkat
4. Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (Bumiputera, *Woman and Youth Exporters Development Program*) (BWYEDP)	1) Bilangan penyertaan usahawan 2) Bilangan latihan dan bimbingan	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • MITI	• Penyertaan usahawan-usahawan Bumiputera, Wanita dan Belia ke dalam pasaran antarabangsa meningkat
5. Projek Ekonomi Rukun Tetangga	Bilangan projek ekonomi komuniti yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** •JPNIN • FAMA • SIRIM	• Kualiti dan kesejahteraan hidup komuniti melalui penjanaan ekonomi isi rumah meningkat

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
6. Memperkasakan penglibatan belia dan komuniti melalui Program myGIG	Bilangan belia yang terlibat dalam 'Ekonomi Gig'	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KBS **Agensi Pelaksana:** • Majlis Belia Malaysia • MDEC	• Menjadi platform kepada belia memperoleh pekerjaan dan penyertaan dalam trend perniagaan digital • Belia yang lebih berpengetahuan dalam bidang ekonomi baharu

TERAS STRATEGIK 3
Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama

Objektif 1:
Mencipta peluang untuk meningkatkan kemakmuran masyarakat

Strategi 2:
Meningkatkan penglibatan dan kebolehpasaran dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran (*Reskilling and Upskilling*) kepada graduan TVET bagi memenuhi keperluan industri melalui *Talent Enhancement Programme* (TEP)	1) Peluang pekerjaan kepada 2000 lulusan TVET-TEP 2) Bilangan peserta	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • KPT **Agensi Pelaksana:** • KBS	• Kadar kebolehpasaran graduan meningkat • Jurang ketidaksepadanan dirapatkan dan menepati kehendak industri • Menjana pendapatan kepada pelajar khususnya pelajar dari golongan B40
2. TVET Rakan Pintar Industri ke Institusi (*Industry-to-Institution* (I2I) *Smart Partnership*)	1) Peningkatan 1% penglibatan industri setiap tahun 2) Bilangan industri terlibat	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • KPT	• Jaringan industri-institusi diperkukuhkan
3. Program kesedaran/ advokasi untuk menggalakkan keseimbangan gender dalam bidang TVET	Bilangan wanita yang menceburi dan memilih kerjaya dalam bidang TVET	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • KPT **Agensi Pelaksana:** • KPM • Semua kementerian yang menjadi ahli kepada Jawatankuasa Pemerkasaan TVET • KPWKM	• Penglibatan wanita dalam bidang TVET meningkat • Jurang antara gender dalam pendidikan dan kerjaya TVET dikurangkan

TERAS STRATEGIK 3
Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama

Objektif 2:
Mengukuhkan akses kebajikan yang adil dan saksama kepada golongan masyarakat yang memerlukan

Strategi 1:
Menyediakan bantuan kebajikan dan perlindungan kepada kumpulan rentan

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Program Kanta Komuniti	Bilangan program yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN	• Komuniti yang prihatin kepada keperluan golongan rentan dalam komuniti • Golongan rentan diberi perhatian serta bantuan kebajikan • Kediaman yang selamat dan selesa bagi golongan miskin
2. Program Bantuan Rumah (PBR)	1) Bilangan penerima PBR 2) Bilangan rumah dibina baru/baik pulih	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPLB	• Pertumbuhan yang inklusif dan seimbang di peringkat nasional
3. Memberikan perlindungan takaful dan pampasan kepada petani, penternak dan nelayan melalui Skim Perlindungan Takaful Agromakanan	Bilangan penerima perlindungan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju Bersama:** • MAFI • Agrobank	• Punca pendapatan petani, penternak dan nelayan kurang terjejas sekiranya berlaku bencana dan kesusahan
4. Mewujudkan Rang Undang-undang Warga Emas	Satu Rang Undang-undang dibangunkan	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju:** • KPWKM	• Golongan warga emas dilindungi • Masyarakat yang lebih bertanggungjawab ke atas golongan warga emas dalam komuniti serta kebajikan ibu bapa masing-masing

TERAS STRATEGIK 4
Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan

Objektif:
Meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai warisan budaya dan agama yang mencirikan kepelbagaian etnik

Strategi 1:
Melestarikan warisan tradisi kebudayaan semua etnik

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Melaksanakan aktiviti kepelbagaian budaya berkaitan makanan, muzik, seni lukisan, ukiran & gubahan	Bilangan program dan acara seni budaya	Jangka Pendek: 2021-2023	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • MOTAC	• Penerimaan amalan warisan pelbagai tradisi kebudayaan etnik dalam masyarakat
2. Aktiviti pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi artifak warisan	1) Bilangan bahan dan koleksi kebudayaan yang dipelihara dan dipulihara 2) Bilangan program yang dilaksanakan dan peserta terlibat	Jangka Sederhana: 2021-2026	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • MOTAC	• Melestarikan khazanah seni, budaya dan warisan negara agar kekal terpelihara

TERAS STRATEGIK 4
Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan

Objektif:
Meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai warisan budaya dan agama yang mencirikan kepelbagaian etnik

Strategi 2:
Meningkatkan semangat perpaduan melalui sukan, seni dan budaya

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Menyediakan dana pembiayaan aktiviti berasaskan seni dan budaya	Bilangan penerima bantuan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • MOTAC	• Penghargaan dan kesedaran dalam bidang seni dan budaya
2. Program advokasi dan pelaksanaan aktiviti seni, budaya dan warisan	1) Bilangan aktiviti/ program 2) Bilangan kempen dan advokasi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • MOTAC	• Masyarakat yang sejahtera melalui persefahaman dan penghayatan seni dan budaya
3. Program MyFit@ *Community*	1) Bilangan siri program 2) Bilangan peserta	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KBS **Agensi Pelaksana:** • JBS NEGERI/ DAERAH • PERSATUAN KECERGASAN • PBSD • KPKT • JAKOA	• Platform aktiviti kecergasan yang membawa manfaat dari aspek kesihatan dan perpaduan • Amalan bersukan dan kesihatan komuniti setempat meningkat
4. Program Silang Budaya dalam komuniti	Bilangan program dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN	• Kefahaman, penghayatan dan perasaan saling menghormati dengan kepelbagaian agama dan budaya meningkat

TERAS STRATEGIK 4
Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan

Objektif:
Meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai warisan budaya dan agama yang mencirikan kepelbagaian etnik

Strategi 3:
Meningkatkan pemahaman kepelbagaian agama melalui perkongsian nilai sepunya

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Program dan aktiviti bersama masyarakat dengan penglibatan pelbagai badan dan persatuan agama	Bilangan program yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN **Agensi Pelaksana:** • JPNIN • JAKIM	• Kesedaran masyarakat berhubung nilai-nilai murni pelbagai agama meningkat • Nilai positif dan murni diterap dalam kalangan penganut agama berbeza
2. Sesi libat urus bersama badan dan persatuan agama melalui Jawatankuasa Keharmonian Antara Pelbagai Agama (HARMONI)	Bilangan sesi libat urus yang dilaksanakan	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPN dan JAKIM **Agensi Pelaksana:** • Badan Agama Bukan Islam • NGO	• Isu-isu berkaitan sensitiviti agama dapat diselesaikan bersama

TERAS STRATEGIK 5
Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi

Objektif:
Meningkatkan literasi dan penghayatan sains, teknologi dan inovasi dalam masyarakat

Strategi 1:
Menyediakan persekitaran yang kondusif dalam bidang sains, teknologi dan inovasi

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Menyediakan dana galakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui *Malaysia Grand Challenge* (MGC) bagi sektor pendidikan, sektor swasta dan sektor awam	Bilangan penerima dana	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju dan Pelaksana:** • MOSTI	• Memahami, mengapresiasi dan mengaplikasi STI sebagai wahana kemajuan dan perpaduan
2. Memperbanyak dan meningkatkan kualiti '*makers lab*' melalui projek Ruang Reka STIE@Komuniti	1) Bilangan peserta 2) Bilangan prototaip inovasi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • MOSTI **Agensi Pelaksana:** • KPT • KPN	• Peningkatan kemahiran dan daya kreativiti dalam kalangan rakyat

TERAS STRATEGIK 5
Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi

Objektif:
Meningkatkan literasi dan penghayatan sains, teknologi dan inovasi dalam masyarakat

Strategi 2:
Menyemarakkan kecintaan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar

Program / Tindakan	Indikator	Tempoh Laksana	Agensi	Keberhasilan
1. Melaksanakan program *Science, Technology, Engineering, Mathematics* (STEM) *Early Harvest*	Enrolmen pelajar dalam aliran STEM bagi mencapai sasaran Dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM **Agensi Pelaksana:** • KPT	• Modal insan berkualiti melalui minat terhadap sains, teknologi dan inovasi
2. Program pendidikan STEM yang bersifat transdisiplin bagi menggalakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi	Bilangan pelajar yang terlibat	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM	• Bakal graduan yang mampu bersaing di pasaran pekerjaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi • Kebolehpasaran lulusan STEM di pasaran kerja
3. Melaksanakan program pembelajaran asas ilmu sains dan teknologi di peringkat prasekolah melalui silibus '*experiential learning*' mengenai sains dan kehidupan	Bilangan program/aktiviti yang berasaskan kepada ilmu sains dan teknologi	Jangka Panjang: 2021-2030	**Agensi Peneraju:** • KPM **Agensi Pelaksana:** • JPNIN • KPM • KPLB • KPWKM	• Minat kepada STI dipupuk sejak pra-sekolah





KESIMPULAN

KESIMPULAN

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 adalah sebuah pelan strategik penyatupaduan yang pertama kali dibina bagi mengukuhkan kesepaduan rakyat dengan tindakan yang komprehensif, bersasar, konsisten dan berterusan. Usaha mendidik, membentuk peribadi dan tingkah laku masyarakat yang berhemah dengan ketinggian akal budi adalah cabaran besar bagi sebuah negara pelbagai etnik yang meletakkan kepelbagaian sebagai identiti bangsa serta bersedia mendokong semangat perpaduan sebagai budaya kehidupan yang dihayati dan diamalkan.

Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 digubal bagi memastikan cita-cita negara untuk membentuk perpaduan yang kukuh tercapai sepertimana yang diimpikan oleh setiap rakyat Malaysia. Secara tidak langsung juga, pembangunan dokumen ini telah meningkatkan kesedaran rakyat berhubung semangat yang terkandung dalam mukadimah Rukun Negara yang menjadi asas kepada perpaduan.





GLOSARI

GLOSARI

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI / BADAN BERKANUN
1.	AGENSI KESELAMATAN SIBER NEGARA (NACSA), MKN
2.	AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)
3.	AGRO BANK
4.	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)
5.	ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)
6.	BADAN AGAMA BUKAN ISLAM
7.	BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JPM
8.	BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT, JPM
9.	CYBERSECURITY MALAYSIA, KKMM
10.	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)
11.	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)
12.	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)
13.	GOVERMENT LINKED COMPANIES (GLCs)
14.	INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN), JPNIN
15.	INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP), JPM
16.	INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (I-LEAD), KBS
17.	INSTITUT PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA (IMPAC), MPIC
18.	JABATAN BELIA DAN SUKAN (NEGERI DAN DAERAH)
19.	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (BOMBA)
20.	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM), KPWKM
21.	JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
22.	JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA), KPLB
23.	JABATAN PENERANGAN NEGARA (JAPEN)
24.	JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
25.	JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN), KPN
26.	JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
27.	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)
28.	KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)
29.	KEMENTERIAN KESIHATAN (KKM)
30.	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (KKMM)
31.	KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)
32.	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
33.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)
34.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)
35.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)
36.	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)
37.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
38.	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)
39.	KEMENTERIAN PERTAHANAN (MINDEF)
40.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
41.	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)
42.	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
43.	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP)
44.	KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (KPKK)
45.	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
46.	MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)
47.	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

GLOSARI

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI / BADAN BERKANUN
48.	MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)
49.	PARLIMEN
50.	PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH (PBSD)
51.	PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
52.	PERSATUAN BULAN SABIT MERAH (PBSM)
53.	PERSATUAN KECERGASAN
54.	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)
55.	PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)
56.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
57.	POLIS DI RAJA MALAYSIA (PDRM)
58.	RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)
59.	ROTARY CLUB MALAYSIA
60.	SIRIM
61.	SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM), KKMM
62.	UNITED NATIONS CHILDREN'S EMERGENCY FUND (UNICEF)



perpaduannegara PerpaduanNegara @PerpaduanNegara

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000
Emel: pro@perpaduan.gov.my